



**KEMENTERIAN KEWANGAN
BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**SIRI SEMINAR PEMBANGUNAN PASARAN MODAL BRUNEI DARUSSALAM:
Pengenalan kepada Penerbitan Sukuk**

**Rabu, 28 Safar 1448H / 12 Ogos 2026M
Hotel Mulia Brunei, Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam**

1. Credit Guarantee and Investment Facility (CGIF), sebuah dana amanah di bawah Asian Development Bank (ADB), dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan International Capital Market Association (ICMA) telah menganjurkan Seminar Pembangunan Pasaran Modal Negara Brunei Darussalam: Pengenalan kepada Penerbitan Sukuk pada 12 Ogos 2026 di Hotel Mulia, Bandar Seri Begawan.
2. Disokong oleh Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam, dan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Seminar tersebut telah menghimpunkan seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada penggubal-penggubal dasar, pengawal-pengawal selia serta syarikat-syarikat yang berpotensi untuk menerbitkan sukuk iaitu syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) dan syarikat-syarikat sektor swasta.
3. Seminar ini bertujuan meningkatkan kefahaman mengenai pilihan pembiayaan alternatif, khususnya sukuk sebagai instrumen bagi mendapatkan pembiayaan melalui pasaran modal, di samping memberikan gambaran menyeluruh mengenai proses penerbitan sukuk. Ia turut memberikan pandangan dari sudut praktikal melalui *case study* mengenai penerbitan sukuk yang telah berjaya dijamin dan dilaksanakan di rantau ini. Selain itu, seminar tersebut membentangkan mengenai proses penerbitan sukuk secara menyeluruh di peringkat tempatan, serta perbincangan mengenai aspek-aspek utama Syariah.
4. Seminar dibuka dengan ucapata daripada Noriko Nasu, Ketua Pegawai Eksekutif, CGIF menekankan kepentingan memperkukuhkan kerjasama antara para penggubal dasar, pengawal selia, institusi kewangan dan peserta pasaran bagi menyokong pembangunan pasaran sukuk korporat di Negara Brunei Darussalam (NBD). Menurut beliau, Seminar ini akan membawa pengetahuan dan pandangan untuk dipraktikkan dalam membangunkan pasaran sukuk korporat mata wang tempatan di NBD yang lebih dinamik dan berdaya tahan.
5. Yang Mulia Haji Asrul Adrain bin POKSPDSS Dr. Haji Ahmad, Setiausaha Tetap (Fiskal), selaku Tetamu Kehormat Seminar tersebut, dalam ucapan alu-aluannya telah menekankan

kepentingan untuk memperkuat ekosistem pasaran modal Negara melalui kerjasama, pembangunan kapasiti dan penyertaan sektor korporat yang lebih meluas. Beliau turut menyarankan para peserta untuk memanfaatkan Seminar ini sebagai platform untuk meningkatkan kefahaman dan meraih pendedahan kepada amalan-amalan antarabangsa terbaik.

6. Seminar ini diakhiri dengan ucapan penutup daripada Anuj Awasthi, Naib Presiden Operasi, CGIF menyatakan semula komitmen CGIF dalam menyokong pembiayaan alternatif melalui penyediaan jaminan kredit di rantau ASEAN+3. Dengan mengambilkira keutamaan CGIF untuk memperkuat pasaran bon matawang lokal dan sukuk di rantau ASEAN+3, pihak CGIF turut bersedia untuk mendokong fasa seterusnya dalam pembangunan sukuk di NBD.

Disediakan oleh:

Kementerian Kewangan, dengan kerjasama Brunei Darussalam Central Bank
Negara Brunei Darussalam

Emel: fo@mofe.gov.bn

Rujukan: KKW/SFO/SUK

Tarikh: 12 Ogos 2026

Mengenai CGIF

Credit Guarantee and Investment Facility (CGIF) merupakan dana amanah di bawah Asian Development Bank (ADB) yang ditubuhkan untuk menyokong pembangunan pasaran bon dan sukuk dalam mata wang tempatan di rantau ASEAN+3 melalui penyediaan penyelesaian peningkatan kredit.